

Mukhriz sahkan Dr M tak hadir

KUALA LUMPUR: Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad yang keluar dari Institut Jantung Negara (IJN) semalam, tidak akan hadir pada Perhimpunan Agung Umno yang sedang berlangsung.

Anaknya, Datuk Mukhriz ketika mengesahkan perkara itu berkata, ayahnya dibenarkan keluar dari IJN kira-kira jam 5 petang dan kini berehat di rumahnya di Seri Kembangan.

"Setakat ini, bapa perlu berehat dan tidak akan hadir pada perhimpunan itu. Tun hanya mengikutinya menerusi televisyen," katanya ketika ditemui pada majlis doa selamat yang diadakan khas buat Dr Mahathir di Hotel Grand Seasons di sini, malam tadi.

Dr Mahathir yang dimasukkan ke Unit Rawatan Koronari (CCU) IJN selepas mengadu sakit dada antara jam 3 hingga 4 pagi Khamis lalu.

Ditanya sama ada Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak mengetahui Dr Mahathir sudah dibenarkan keluar UN, Mukhriz berkata, beliau belum lagi memaklumkan perkara itu.